



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “MAKANAN: KEWAJIPAN Mencari Yang Halal”

2 September 2022 / 5 Safar 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk:

### “MAKANAN: KEWAJIPAN Mencari Yang Halal”

Makanan ialah satu keperluan asasi untuk membolehkan manusia terus hidup. Lazimnya manusia makan tiga kali sehari pada waktu pagi, petang dan malam bagi memenuhi keperluan jasmani. Islam menuntut umatnya agar mencari makanan yang bersih lagi halal. Halal berasal daripada bahasa Arab, bermaksud dibenarkan atau dibolehkan berlandaskan hukum syarak. Secara umumnya makanan halal bermaksud makanan yang dibolehkan untuk dimakan. Perintah untuk mencari makanan yang halal ialah perintah umum kepada semua manusia kerana Allah SWT menginginkan kebaikan kepada tubuh badan manusia selaras dengan firman Nya:

﴿ يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Bermaksud: Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya ia ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”. (Surah Al-Baqarah ayat 168)

*Halalan Toyyiban* bermaksud halal lagi bersih, suci dan diyakini; bukan sekadar melihat kebersihan luaran malah kebersihan kandungan, bahan, proses penghasilan dan keselamatan menggunakannya perlu diberikan perhatian. Kini kemudahan kaedah dan teknologi pemprosesan makanan, membolehkan manusia menghasilkan pelbagai makanan, juga membolehkan manusia mudah mendapatkannya melalui pelbagai saluran perkhidmatan penghantaran makanan. Dalam pada itu, ummah diperingatkan agar mencari makanan yang benar-benar halal, menjauhi yang telah diharamkan, juga menjauhi makanan yang diragui atau samar-samar status halalnya. Baginda SAW bersabda:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَبَيْنَ الْحَرَامِ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى  
الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ

Bermaksud: Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram juga jelas, dan di antara keduanya terdapat perkara yang syubhah (samar-samar) yang tidak diketahui oleh ramai manusia. Maka sesiapa yang menjauhi perkara syubhah bermakna dia telah menyelamatkan agama dan kehormatannya dan sesiapa yang terjerumus dalam perkara syubhah maka dibimbangkan terjerumus ke dalam perkara haram.

(Hadis Riwayat Muslim)

Makanan yang halal dan bersih memberikan banyak kebaikan kepada tubuh manusia. Utamakan makanan yang segar, berkualiti lagi berkhasiat dan elakkan makanan yang berkemungkinan mendatangkan risiko atau memberi mudarat. Hadis tersebut memperingatkan agar kita menjauhi daripada makan di tempat-tempat yang meragukan, yang tidak dapat disahkan status halalnya makanan yang dihidangkan, atau yang menyebabkan hadirnya perasaan ragu-ragu. Banyak hikmah yang terkandung melalui makanan bersih dan halal, antaranya tubuh menjadi sihat dan bertenaga, menghasilkan hati nurani yang bersih, akal menjadi cerdas dan doa akan diperkenankan Allah SWT.



Hari ini, bahan mentah masakan boleh didapati dengan mudah di pasaran. Bahan mentah dan bahan masakan seperti makanan dalam tin, bebola ikan, mi, mihun, kuetiau dan lain-lain mudah dibeli di pasar raya dan kedai. Antara bahan-bahan makanan ini sebahagiannya jelas diketahui halalnyanya dan sebahagian yang lain tidak jelas. Ummah mudah mengetahui status halal bahan-bahan yang dikeluarkan dalam negara sekiranya terdapat logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Jika didapati tiada logo halal, sebaiknya ditinggalkan produk tersebut dan memilih produk lain. Pastikan produk yang diimport dari luar negara mempunyai logo halal yang diiktiraf oleh JAKIM. Penggunaan logo halal menandakan bukti bahawa produk tersebut telah melalui proses penyemakan, pengauditan dan pengesahan halal oleh pihak berkuasa pensijilan halal.

Adalah wajib dan kewajipan untuk mengambil berat perkara makanan halal. Ummah, sama ada pengeluar atau pengguna, tidak boleh mengabaikannya dengan anggapan bahawa produk yang dihasilkan dalam kalangan pengeluar sebangsa dan seagama terjamin halal. Sebaliknya banyak perkara perlu diambil kira untuk sesuatu produk itu mendapat pengiktirafan halal. Ketika negara luar berlumba-lumba untuk mendapatkan sijil halal Malaysia bagi produk yang mereka hasilkan, bertujuan menembusi pasaran antarabangsa, umat Islam masih lagi tidak melihatnya sebagai perkara penting.

Perangkaan dari Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Perak menunjukkan, peratusan permohonan sijil halal melibatkan semua skim bagi tahun 2022, sebanyak tujuh puluh dua peratus (72%) terdiri permohonan dalam kalangan bukan Bumiputera, berbanding hanya dua puluh lapan peratus (28%) permohonan dalam kalangan Bumiputera, menunjukkan kesedaran amat rendah dalam kalangan Bumiputera mengenai sijil dan logo halal.

Halal dan haram tidak boleh diambil mudah. Baginda SAW memperingatkan melalui hadis yang diriwayatkan oleh Sayidina Abu Hurairah RA yang mafhumnya: “Seorang lelaki yang bermusafir jauh menadah tangan ke langit dan berdoa “Ya Tuhan (perkenankan doaku)” sedang makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan apa-apa yang disuapkannya haram, maka bagaimana doanya akan diperkenankan? Ini bermakna syarat doa diterima Allah SWT adalah doa yang diucap oleh Muslim yang memakan dan memakai bahan-bahan yang halal dan memastikan wang untuk membeli makanan, pakaian, rumah, kenderaan, yuran pengajian dan sebagainya juga datang daripada sumber rezeki yang halal.



## Muslimin yang dikasihi,

Mimbar menyeru kepada peringatan-peringatan berikut:

**Pertama:** Makanan yang baik dan halal ialah makanan yang bersih, tidak memudaratkan serta dapat memberi manfaat kepada tubuh badan manusia. Memilih makanan halal lagi bersih adalah satu kewajipan dan memberi kebaikan kepada tubuh badan baik secara fizikal mahupun mental.

**Kedua:** Memastikan perbelanjaan untuk membeli makanan, pakaian, rumah, kenderaan dan keperluan-keperluan hidup yang lain datangnya daripada sumber rezeki yang halal kerana menjadi penentu asbab doa dimakbulkan Allah SWT.

**Ketiga:** Pengguna wajib mencari makanan dan barang kegunaan yang diyakini halal dan bersih serta selamat digunakan.

**Keempat:** Para usahawan, pengeluar dan peniaga mestilah jujur dengan memastikan produk makanan atau bahan kegunaan yang dihasilkan dan dijual adalah halal, bersih dan selamat. Digalakkan membuat permohonan pensijilan halal daripada pihak berkuasa sama ada JAKIM, MAJLIS AGAMA ISLAM atau JABATAN AGAMA ISLAM agar masyarakat mendapat panduan kegunaan yang betul.

**Kelima:** Pihak berwajib mempertingkatkan lagi kesedaran pengeluar dan pengguna terhadap kewajipan mencari sumber yang halal dengan melaksanakan pelbagai kempen melalui kerjasama dengan pelbagai institusi seperti badan bukan kerajaan, masjid, sekolah dan lain-lain.

**Keenam:** Para pengguna digalakkan menyemak status halal sesuatu produk dengan melayari website [www.myhalal.gov.my](http://www.myhalal.gov.my) atau muat turun aplikasi ‘Smart Halal’ di telefon bimbit.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal ‘Alamin!**, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. kurniai kami rezeki yang bersih lagi halal, agar dengannya kami dapat melakukan ibadah kepada Mu dan doa kami dimakbulkan.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيآ عِبَادَ اللّٰهِ، ﴿۱۰۱﴾ اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِتْيَاۤى ذِى الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَآءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿۱۰۲﴾ فَاذْكُرُوْا اللّٰهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاَشْكُرُوْهُ عَلٰى  
نِعْمِهِۦ يَزِدْكُمْ، وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِۦ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ، وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.

## LOGO HALAL MALAYSIA

# CIRI-CIRI LOGO HALAL JAKIM



## LOGO HALAL ANTARABANGSA YANG DIKTIRAF JAKIM





## MEDIUM PLATFORM HALAL

[WWW.HALAL.GOV.MY](http://WWW.HALAL.GOV.MY)

### System MYeHALAL

ISLAM.GOV.MY

APPS : SMART HALAL



APPS : VERIFY HALAL

